

**ANALISIS RESEPSI: TAHAP PENERIMAAN
RANCANGAN REALITI TV DI KALANGAN
GOLONGAN MUDA.**

Ghazali Mohd Ali

Fakulti Pengurusan dan Muamalah

ghazali.ma@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap penerimaan di kalangan golongan muda terhadap rancangan realiti tv. Tahap penerimaan ini dikenalpasti dengan berpandukan kepada kekerangka teori Analisis Resepsi. Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah temubual kumpulan fokus. Para informan telah diagihkan kepada empat kumpulan iaitu dua kumpulan lelaki dan dua kumpulan perempuan. Data yang berbentuk transkripsi perbualan telah diinterpretasi berdasarkan soalan tema yang dikemukakan kepada informan. Dapatan kajian menunjukkan terdapat tiga tahap penerimaan di kalangan khalayak golongan muda iaitu pembacaan dominan, pembacaan rundingan dan pembacaan bertentangan terhadap rancangan realiti tv. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati kebanyakan rancangan bercorak realiti yang diimport terutamanya rancangan romantik dan percintaan kurang diterima penayangannya.

Bidang kajian: Realiti tv, analisis resepsi, media, khalayak televisyen.

1. Pengenalan

Media global merujuk kepada perkembangan dunia media dalam era globalisasi. Media global merupakan satu konsep yang menunjukkan tiada keterbatasan dalam pengembangan dan penyaluran media ke seluruh dunia. Media global juga memungkinkan semua khalayak atau masyarakat dunia menerima sumber dan bahan media yang sama. Menurut Samsudin (2001), aliran program media terutamanya program di televisyen dengan nilai-nilai barat tidak dapat dielakkan daripada ditonjolkan dalam media tempatan hasil daripada pembentukan media global yang menyebabkan aliran program atau rancangan televisyen merentasi sempadan sesebuah negara. Dan keadaan ini dilihat turut berlaku kepada negara kita yang menerima kemasukan program atau rancangan televisyen dari luar samada secara langsung ataupun tidak langsung.

Perkembangan media global telah banyak mempengaruhi perkembangan media di Malaysia pada masa kini. Ini kerana pada pada masa kini kita sudah boleh menikmati program daripada media global pada setiap hari melalui perkhidmatan siaran televisyen satelit ASTRO (All Asia TV and Radio) tidak kira samada ianya disiarkan secara langsung ataupun tertunda (Samsudin 2001).

2. Realiti Tv: Fenomena Global

Pada masa kini, muncul pula satu lagi genre yang telah popular di Amerika Syarikat dan kini semakin popular di Malaysia. Ia mempunyai jumlah peminat yang ramai di Malaysia. Rancangan berkonsepkan realiti tv ini semakin popular dan menyebabkan beberapa stesen televisyen tempatan yang telah mula menerbitkan rancangan realiti tv mereka sendiri disamping menyiarkan rancangan realiti tv terbitan luar negara terutamanya dari Amerika Syarikat. Menurut Khalidah (2005), konsep realiti tv di Malaysia masih lagi baru dan ianya hanya bermula pada tahun 2003 melalui rancangan Akademi Fantasia yang diterbitkan oleh ASTRO (pengasas realiti tv tempatan).

Menurut Ibrahim (2004), rancangan realiti tv di Malaysia merupakan rancangan yang diimport dari Barat dan banyak pihak yang menganggap bahawa rancangan 'Survivor' merupakan rancangan realiti tv yang pertama di dunia. Namun begitu, menurut beliau rancangan realiti tv telah bermula lebih awal lagi iaitu menerusi rancangan 'Candid Camera' (1960), 'Dating Game' (1965) dan 'An American Family' (1973). Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa rancangan berkonsepkan realiti tv telah lama diterbitkan cuma ia mula menjadi popular dan menjadi perhatian masyarakat dunia selepas bermulanya penyiaran rancangan 'Survivor'.

3. Dimensi baru televisyen di Malaysia

Secara dasarnya rancangan bercorak realiti tv merupakan rancangan televisyen bukan fiksyen iaitu ianya merupakan sebuah rancangan yang melibatkan orang sebenar (orang awam). Realiti tv juga dikatakan dramatik, ianya seolah-olah rancangan soap opera yang akan mengikut orang awam di dalam satu-satu tempoh masa sama ada dalam konteks yang sebenar atau yang diwujudkan. Ianya boleh mengandungi elemen permainan (game show) dan juga mempunyai peserta atau orang yang berbeza-beza untuk setiap episod (seperti *Fear Factor*) tetapi ianya haruslah memberi fokus kepada drama manusia yang terhasil daripada situasi yang dihadapi oleh peserta (Denhart 2005).

Rhett (2004), mendefinisikan rancangan realiti tv sebagai satu bentuk rancangan atau program yang memaparkan orang awam didalam situasi yang luar biasa dan menarik. *Survivor* merupakan contoh program realiti tv yang pertama dan disiarkan pada tahun 2000. Manakala Pioto dan Otter (2005) menyatakan realiti tv merupakan suatu genre yang mendapati kandungan rancangannya yang paling bernilai ialah pemaparan individu yang rela diletakkan dihadapan kamera dengan meletakkan keadaan bersendirian, maruah dan ketenteraman mereka.

4. Sorotan Kajian Lepas

Kajian-kajian awal yang dilakukan terhadap rancangan realiti tv antaranya membincangkan persoalan yang ditimbulkan oleh khalayak penonton mengenai kredibiliti rancangan berbentuk realiti. Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Dr. Annette Hill (2001) dari University of Westminster, mendapati bahawa kebanyakan penonton rancangan tv realiti lebih berminat untuk mengetahui apakah yang berlaku di belakang tabir rancangan yang mereka tonton bagi mendapatkan kepastian tentang kesahihan rancangan tersebut yang dilakukan tanpa skrip atau watak yang dibentuk bagi menghidupkan rancangan tersebut. Beliau telah menggunakan kaedah temubual dalam menjalankan kajian terhadap rancangan berbentuk realiti. Temubual tersebut telah

dijalankan bersama sekumpulan penonton yang menonton rancangan bercorak realiti bagi mendapatkan data berkenaan penerimaan penonton terhadap rancangan berbentuk realiti.

Terdapat juga satu kajian yang mempersoalkan tentang kesesuaian isi kandungan rancangan realiti tv yang disiarkan untuk tontonan awam. Kajian ini telah dijalankan oleh 'Parents Television Council' di Amerika pada tahun 2002. Kajian ini telah meninjau sebanyak 38 siri yang terdiri daripada pelbagai bentuk rancangan realiti tv yang disiarkan di Amerika seperti 'Survivor', 'The Mole', 'The Real World' dan lain-lain lagi. Analisis yang dijalankan memberikan fokus kepada tiga jenis kandungan iaitu berkaitan isu seksual, bahasa kasar (mencarut dan perkataan lucu) dan keganasan. Hasil daripada analisis yang dijalankan mendapati begitu banyak perkataan lucu dan mencarut yang disiarkan di samping pemaparan seksual dan keganasan.

Selain itu, 'Parents Television Council' juga telah menjalankan kajian pada 2004 yang juga bertujuan untuk melihat kesesuaian isi kandungan rancangan realiti tv untuk tontonan umum. Kajian yang dijalankan ini menunjukkan bahawa rancangan realiti tv mempunyai banyak adegan-adegan yang tidak sepatutnya ditunjukkan pada khalayak penonton. Ianya dilihat tidak sesuai untuk tontonan umum apabila ianya melibatkan pemaparan adegan-adegan seks oleh peserta rancangan tersebut seperti rancangan 'The Bachelor' dan 'Average Joe' yang merupakan rancangan mencari pasangan hidup. Kaedah analisis tekstual telah digunakan dalam melihat beberapa rancangan realiti tv seperti 'The Bachelor' dan 'Average Joe' dalam melihat kandungan pemaparan dalam rancangan tersebut.

Manakala Fuziah Kartini telah menjalankan kajian berkaitan rancangan realiti tv yang popular di Malaysia iaitu "Akademi Fantasia: Dimensi baru budaya popular di Malaysia" pada tahun 2004. Kajian yang beliau jalankan ini merupakan suatu kertas kerja yang cuba melihat sorotan awal tentang kepopularan rancangan Akademi Fantasia. Kertas kerja yang beliau lakukan ini menyingkap kekuatan Akademi Fantasia sebagai satu rancangan yang membuka lembaran baru dan membawa senario budaya popular tanahair ke suatu dimensi yang baru. Dimensi ini menurut Fuziah Kartini merupakan faktor utama yang telah menjadikan Akademi Fantasia sebuah program tv yang menarik dan mengundang konstruksi makna yang pelbagai di kalangan pihak media. Melalui kajian yang beliau jalankan ini, beliau telah menggunakan pendekatan deskriptif dalam menerangkan tentang fenomena yang dikaji. Penerangan ini dilakukan berdasarkan kepada pemerhatian, himpunan naratif peribadi, laporan akhbar dan penelitian beberapa laman web. Kajian Fuziah Kartini (2004) ini telah menggunakan pendekatan budaya popular dalam menerangkan faktor-faktor yang menyebabkan rancangan realiti tv Akademi Fantasia menjadi popular di Malaysia. Di samping itu, beliau turut menyelitkan sedikit pendekatan analisis resepsi dalam melihat bagaimana penerimaan khalayak terhadap rancangan Akademi Fantasia.

Manakala kajian yang dijalankan oleh Andrew (2003), cuba melihat pandangan penonton remaja berkaitan dengan rancangan berbentuk realiti. Beliau telah menggunakan kaedah survey dengan meminta pelajar daripada 50 buah kelas di Universiti California di Santa Barbara. Hasil kajian yang diperolehi dikatakan sangat menarik bagi pengkaji kerana hampir kesemua remaja yang terlibat sebagai sampel dalam survey ini mengetahui apakah bentuk rancangan realiti tv. Beliau merasakan data yang diperolehi dalam kajian ini jelas menunjukkan bagaimana dan sejauhmana pengaruh rancangan seperti ini terhadap kehidupan remaja.

Kennett Internet Organization (2003) telah menjalankan satu kajian untuk melihat sejauhmana penerimaan umum sekiranya kehidupan harian mereka dirakam dan ditayangkan kepada khalayak umum dan sebagai pulangnya mereka berpeluang memenangi sejumlah wang tunai. Kumpulan ini telah menggunakan kaedah soal selidik dalam mengumpulkan maklumat dan data yang mereka perlukan. Hasil kajian mendapati 75 peratus daripada responden yang ditemui tidak mahu kehidupan peribadi mereka dirakamkan dan ditayangkan kepada umum. Antara sebab yang diberikan adalah mereka terlalu sayangkan privasi mereka, merasakan kehidupan pada masa kini sendiri sudah tiada privasi, merasakan kehidupan mereka terlalu sulit untuk ditayangkan kepada orang lain dan ada juga yang merasakan hanya orang yang bodoh sahaja akan menyerahkan kehidupan mereka untuk ditonton oleh orang lain. Manakala 19 peratus daripada responden menyatakan kesanggupan mereka untuk membiarkan kehidupan mereka dirakam dan ditayangkan kepada orang lain atas alasan berpeluang untuk memperolehi wang tunai. Manakala selebihnya masih belum pasti samada sanggup atau tidak dirakam kehidupan mereka. Pengkaji membuat kesimpulan bahawa masih ramai dikalangan masyarakat yang mahu melindungi kehidupan peribadi mereka.

Manakala Cynthia M. Frisby (2004) telah menjalankan kajian yang bertajuk 'Getting Real with Reality tv'. Kajian yang beliau jalankan ini telah menggunakan pendekatan yang digunakan dalam teori penggunaan dan kepuasan terhadap rancangan berbentuk realiti tv. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat perbandingan sosial yang mungkin disebabkan oleh kandungan rancangan yang tertentu dan juga untuk mengenalpasti sekiranya ada penonton yang menggunakan kandungan rancangan realiti tv sebagai sumber untuk perbandingan sosial. Seramai 110 orang responden telah digunakan dan pengkaji telah menggunakan kaedah soal selidik bagi mendapatkan data yang diperlukan. Daripada 110 responden tersebut, sebanyak 78.2 peratus merupakan penonton yang kerap menonton rancangan berbentuk realiti manakala selebihnya tidak kerap menonton rancangan berbentuk realiti tv. Disamping itu, responden juga ditayangkan rancangan realiti tv dan diminta membayangkan seolah-olah mereka sedang menontonnya di rumah. Sambil menonton responden diminta merekodkan segala pandangan mereka. Hasil kajian mendapati kebanyakan responden menitikberatkan rancangan realiti tv dalam melakukan perbandingan sosial mereka.

Mark Andrejevic (2001) telah menjalankan kajian bertajuk 'Little Brother is watching: An Examination of Surveillance-based Entertainment'. Kajian yang Andrejevic jalankan ini telah menggunakan beberapa jenis kaedah iaitu temubual bersama produser dan mereka yang menjadi peserta dalam rancangan realiti tv 'Road Rules' dan 'Big Brother'. Di samping itu, beliau turut menggunakan soalselidik yang ringkas terhadap lebih 150 orang responden. Beliau turut mengumpulkan maklumat dan data daripada laman web yang menyiarkan isu berkaitan realiti tv. Hasil kajian mendapati rancangan realiti tv ini ada kaitannya dengan rancangan berbentuk fiksyen. Penonton melihat rancangan berbentuk realiti ini popular kerana ianya tidak seperti rancangan berbentuk drama dan sitcom. Penonton juga tidak dapat membezakan samada watak yang terdapat dalam rancangan realiti tv merupakan watak fiksyen ataupun tidak (yakni benar-benar peserta membawa diri mereka sendiri dalam rancangan tersebut).

5. Kerangka Teori: Analisis Resepsi

Analisis resepsi merupakan antara pendekatan yang digunakan dalam kajian-kajian yang melibatkan audien atau khalayak penonton. Stuart Hall merupakan individu yang bertanggungjawab memperkenalkan analisis resepsi ini. Beliau telah membangunkan analisis resepsi ini pada tahun 1973 yang kemudiannya dibukukan pada tahun 1980. Pendekatan yang cuba beliau bawa adalah dengan memberikan tumpuan kepada analisis terhadap konteks sosial dan politik di mana kandungan itu dibuat (*encoding*) dan andaian kandungan media (*decoding*). Menurut Shaun Moores (1993), Hall telah membentuk pendekatan ini sebagai reaksi kepada penentangan beliau terhadap pendekatan Marxist dalam kritikan filem.

Dalam memperlihatkan pandangan beliau tentang *decoding*, Hall telah memperkenalkan pendekatan dalam kajian audien yang dikenali sebagai analisis resepsi. Apa yang ditekankan dalam pendekatan ini ialah bagaimana pelbagai jenis audien membuat andaian dan penyesuaian terhadap bentuk kandungan yang tertentu dan spesifik. Hall menyatakan bahawa kandungan media boleh disamakan sebagai teks. Untuk membuat interpretasi terhadap teks, kita harus melihat keseluruhan struktur ayat dan bukannya hanya melihat beberapa perkataan tertentu sahaja di dalam ayat tersebut. Hall menyatakan bahawa teks boleh dibaca dengan beberapa cara. Pembacaan dominan (*dominant reading*) merupakan pembacaan yang penerbit mahukan apabila ia mencipta mesej. Ianya juga bermakna apa yang sebenarnya penerbit mahu audien melihat rancangan terbitan mereka selari dengan apa yang ingin mereka mahukan. Cara yang kedua ialah rundingan makna (*negotiated meaning*) yang berbeza dengan *dominant reading*. Ianya berlaku disebabkan audien mungkin tersalah menginterpretasikan beberapa aspek dalam mesej yang disampaikan. Selain itu, ia juga bermakna audien melihat atau membuat andaian secara berubah-ubah. Dan bagi sesetengah kes, audien mungkin akan membuat interpretasi yang bertentangan dengan *dominant reading* iaitu apa yang diharapkan oleh penerbit daripada pemahaman audien. Dalam kes ini mereka dikaitkan dengan *oppositional decoding*.

Secara keseluruhannya, apa yang dimaksudkan sebagai pembacaan dominan adalah apabila audien mempunyai pandangan yang selari dengan apa yang cuba disampaikan oleh penerbit. Pembacaan rundingan pula bermaksud apabila audien memberikan makna (pendapat) yang pelbagai daripada kandungan yang berbeza dengan pembacaan dominan. Manakala mendekod secara bertentangan bermakna audien membentuk interpretasi daripada kandungan yang secara bertentangan dengan pandangan dalam pembacaan dominan.

Dalam analisis resepsi, audien itu sendiri yang akan membentuk makna daripada teks yang dilihat. Semua orang akan memberikan makna kepada teks yang dilihat dan makna ini mungkin dipengaruhi oleh mood atau perasaan kita pada masa itu, tempat dan persekitaran ketika itu dan juga beberapa faktor yang lain seperti pengalaman dan latar pendidikan. Jadi, mungkin ada orang yang suka menonton sesebuah rancangan itu tetapi pada masa yang sama terdapat juga khalayak yang tidak menyukai rancangan tersebut. Analisis resepsi cuba melihat perbezaan yang wujud ini dan cuba untuk memahaminya. Apa yang diperolehi oleh analisis resepsi ialah faktor seperti gender, kedudukan dalam masyarakat dan juga konteks masa atau zaman semasa kita berada boleh menjadi sangat penting dalam kita memberi makna kepada sesebuah teks. Teori penggunaan dan

kepuasan melihat kepada mengapa kita menggunakan media tetapi bagi analisis resepsi pula ianya cuba melihat kepada apa yang kita nampak apabila kita melihat teks dalam media yang kita tonton.

6. Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan ini merupakan satu bentuk kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif. Kajian kualitatif merupakan kajian yang merujuk kepada makna, konsep, definisi, ciri-ciri, simbol, metafora dan deskripsi (penceritaan) mengenai sesuatu perkara atau fenomena. Pengkaji yang menggunakan pendekatan kualitatif dilihat sebagai berminat untuk melakukan peninjauan atau pemerhatian tentang bagaimana manusia menyesuaikan diri dan persekitaran mereka dan bagaimana manusia memahami persekitaran mereka melalui simbol, ritual, struktur sosial, peranan sosial dan sebagainya (Berg 1989).

Kajian yang dijalankan ini bersifat kualitatif dan saya menggunakan kaedah temubual kumpulan fokus. Saya menggunakan temubual kumpulan fokus ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat yang lebih luas dan pelbagai berkenaan beberapa persoalan yang ditimbulkan dalam kajian ini.

6.1 Instrumen Temubual Kumpulan Fokus

Kaedah temubual kumpulan fokus merupakan antara kaedah yang penting dan seringkali digunakan dalam kajian-kajian berbentuk kualitatif. Penggunaan istilah kumpulan fokus menurut Goldman dan McDonald (1987), berasal daripada kaedah temubual responden yang diperkenalkan oleh ahli sosiologi bernama Robert K. Merton.

Menurut Berger (1998), kaedah yang digunakan dalam temubual kumpulan fokus dijalankan secara temubual berkumpulan. Menurut beliau lagi, sesi perbincangan atau temubual kumpulan fokus ini akan dibimbing oleh seorang moderator yang bertindak memimpin perbincangan dalam kumpulan fokus yang dibentuk bagi membincangkan isu yang telah ditetapkan secara bebas. Ianya bertujuan bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk sesebuah kajian.

Bagi kajian ini, saya telah memilih seramai 20 orang informan untuk menyertai kumpulan fokus ini. 20 orang informan ini terdiri daripada 10 orang informan lelaki dan 10 orang informan perempuan dan mereka akan dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu lima orang untuk setiap kumpulan yang terdiri daripada dua kumpulan informan lelaki dan dua kumpulan informan perempuan. Sesi perbincangan kumpulan fokus ini telah dibahagikan kepada empat kumpulan iaitu dua kumpulan lelaki dan dua kumpulan wanita. Kumpulan-kumpulan ini diberi dengan nama kumpulan satu, kumpulan dua, kumpulan tiga dan kumpulan empat. Setiap kumpulan yang dibentuk ini terdiri daripada lima orang informan.

Dalam semua sesi perbincangan kumpulan fokus yang telah dijalankan, saya telah menggunakan alat perakam untuk mengumpulkan data yakni perbualan dan pendapat yang dilontarkan oleh responden dalam kumpulan fokus yang dijalankan. Ianya bertujuan untuk mengelak sebarang maklumat samada pendapat atau respon daripada informan tidak terlepas. Kesemua data yang diperolehi iaitu pendapat informan akan ditranskripsikan.

6.2 Persampelan

Kajian ini telah dijalankan ke atas pelajar UKM yang berumur di antara 18-25 tahun yang menonton sebarang rancangan berbentuk realiti tv yang disiarkan di stesen RTM, ASTRO, TV3, 8TV dan NTV7. Saya mengandaikan seluruh pelajar UKM yang menonton rancangan berbentuk realiti tv dianggap sebagai populasi kajian. Saya menjangkakan populasi kajian yang akan diperolehi adalah besar, maka saya telah menggunakan satu kaedah bagi mendapatkan sampel atau informan untuk kajian ini.

Bagi mendapatkan informan untuk kajian ini, saya telah menggunakan kaedah sampel bertujuan. Yakni setiap informan yang dipilih mestilah terdiri daripada mereka yang menonton atau mengikuti mana-mana terbitan rancangan realiti tv terbitan luar dan tempatan. Selain itu juga, informan yang dipilih juga terdiri daripada latar belakang yang berbeza iaitu terdiri daripada mereka yang berasal daripada negeri yang berlainan di samping mengambil jurusan pengajian yang berlainan bagi setiap kumpulan fokus yang dijalankan.

Kesemua informan yang dipilih untuk temubual fokus terdiri daripada pelajar-pelajar berbangsa melayu. Rasionalnya saya memilih untuk hanya mengambil pelajar melayu sahaja adalah kerana kebanyakan rancangan realiti tv yang diterbitkan oleh penerbit tempatan hanya menumpukan kepada golongan melayu dan bumiputera sahaja. Disebabkan kajian saya ini memerlukan informan menonton rancangan realiti tv terbitan tempatan dan luar negara, maka saya membuat keputusan hanya untuk menggunakan informan melayu sebagai sampel dalam kajian ini. Keputusan ini juga dibuat setelah saya menjalankan *pilot survey* saya dan didapati melalui temubual yang dijalankan pelajar cina dan india tidak dapat memberikan respon yang baik tentang rancangan realiti tv terbitan tempatan.

7. Penemuan Kajian

Analisis ini dilakukan dengan berpandukan kepada tiga peringkat pembacaan yang dikemukakan oleh Hall dan juga Morley (1980). Analisis ini penting kerana ia akan mengaitkan dapatan kajian tempatan ini dengan kekerangka teoritis bagi kajian audien yang telah banyak dilakukan ke atas program di barat. Sekaligus, analisis ini berusaha menguji kesesuaian teori tersebut dalam konteks audien tempatan.

7.1 Peringkat Pembacaan (Penerimaan) Dominan

Pembacaan dominan (*dominant reading*) merupakan pembacaan yang penerbit mahukan apabila ia mencipta mesej. Ini bermakna, sekiranya terdapat pendapat daripada audien yang selari dengan apa yang cuba disampaikan dalam sesebuah rancangan atau penerbitan itu dilihat sebagai pembacaan dominan.

a) Informan lelaki

Rizan: ...*Program extreme untuk membentuk keyakinan diri... rancangan berbentuk bakat sesuai untuk mencari pelapis...setuju dengan rancangan*

bercorak perlumbaan... mewujudkan persaingan yang sihat... bersaing untuk mendapatkan sesuatu...

Malik: *...rancangan yang sesuai bercorak extreme dan perlumbaan... penonton tidak perlu menghantar sms untuk menentukan siapa yang menang...ianya menekankan konsep 'best man win'...*

Rahim: *... rancangan Fear Factor, Amazing Race dan Apprentice sesuai... mempunyai unsur pendidikan dan bukan hiburan semata-mata...*

Saya mendapati bahawa pendapat yang dikemukakan oleh informan lelaki di atas jelas menunjukkan ianya tergolong dalam peringkat pembacaan dominan. Ini kerana pendapat yang dikemukakan oleh informan di atas menyokong kepada apa yang cuba disampaikan oleh penerbit bagi rancangan realiti tv yang menjadi fokus informan. Kenyataan yang diberikan oleh para informan ini jelas menunjukkan sokongan mereka terhadap rancangan bercorak realiti yang dirasakan sesuai untuk tayangan kepada audien.

Pembacaan dominan ini dinilai menerusi pernyataan informan yang menyokong konsep rancangan, kebaikan yang diperolehi menerusi mesej yang cuba disampaikan dan juga tujuan utama rancangan tersebut diterbitkan. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa ada di antara informan yang menyokong dan bersetuju dengan beberapa rancangan realiti tv yang disiarkan dan ianya jelas selari dengan apa yang dimahukan oleh penerbit rancangan tersebut.

b) Informan perempuan

Ira: *... menerima rancangan mencari cinta...keluar 'dating' ditemani oleh ahli keluarga wanita...Ada nilai baik kerana dipaparkan penglibatan ibu bapa dan keluarga wanita dalam memilih pasangan lelaki...*

Ika: *...rancangan extreme dan bakat kebanyakannya sesuai...kerana tidaklah menonjolkan sesuatu yang diluar batasan kita secara keseluruhannya...*

Shida: *...rancangan yang memberikan faedah kepada kita adalah Amazing Race, The Apprentice kerana rancangan ini memberikan maklumat dan pengetahuan...*

Jun: *...menonton semua jenis rancangan realiti tv... boleh menerima apa yang dipaparkan di dalam rancangan realiti tv...hanya menjadi tidak sesuai ditonton apabila bersama adik-adik yang masih kecil...*

Saya mendapati bahawa sememangnya wujud pendapat yang dilihat selari dengan apa yang dikatakan oleh Hall dan Morley sebagai pembacaan dominan di kalangan informan perempuan berkaitan dengan rancangan bergenrekan realiti tv. Ada yang melihat rancangan Mencari Cinta yang dirasakan tidak sesuai untuk ditayangkan kepada audien di kalangan informan yang lain sebagai sesuatu yang sesuai untuk ditonton. Beliau menyatakan pendapatnya yang selari dengan apa yang cuba disampaikan oleh penerbit rancangan Mencari Cinta atas dasar konsep rancangan tersebut yang melibatkan ahli keluarga dalam memilih pasangan untuk anak mereka. Sokongan beliau terhadap

rancangan ini jelas menunjukkan peringkat pembacaan yang dominan kerana kebanyakan informan yang lain tidak bersetuju dengan konsep rancangan Mencari Cinta ini.

Manakala terdapat seorang informan yang menyatakan rancangan realiti tv sesuai untuk audien Malaysia terutamanya rancangan yang memberikan banyak faedah kepada penonton seperti Amazing Race dan The Apprentice. Manakala seorang lagi informan menyatakan pendapat beliau yang jelas menyokong kepada pembacaan dominan kerana beliau merasakan rancangan bercorak romantik/percintaan boleh ditonton kecuali apabila beliau bersama adik-adiknya barulah rancangan tersebut tidak sesuai untuk ditonton. Ini jelas menunjukkan yang mereka merasakan apa yang cuba disampaikan oleh penerbit rancangan realiti tertentu sebagai sesuatu yang boleh diterima oleh audien kita.

7.2 Peringkat Pembacaan (Penerimaan) Rundingan

Pembacaan rundingan (*negotiated meaning*) berbeza dengan *dominant reading*. Ianya berlaku disebabkan audien mungkin tersalah menginterpretasikan beberapa aspek dalam mesej yang disampaikan. Selain itu, ia juga bermakna audien melihat atau membuat andaian secara berubah-ubah. Apa yang dimaksudkan dengan pembacaan rundingan ialah apabila audien memberikan makna (pendapat) yang pelbagai daripada kandungan yang berbeza dengan pembacaan dominan.

a) Informan lelaki

Hafiz: ... pemaparan diari harian pelajar dalam rancangan AF tidak sesuai... Tidak perlu ditunjukkan sewaktu makan, berehat dan malahan dibilik mereka... hanya tayangkan waktu latihan sahaja...

Azrul: tonton AF tapi ada beberapa perkara tidak setuju... rancangan AF memaparkan kehidupan pelajar tidak sesuai... dipaparkan pergaulan yang agak bebas dikalangan pelajar di banglo...

Alimi: ...kesan negatif rancangan realiti... menjadi hipokrit, pentingkan diri dan sanggup melakukan apa sahaja untuk mencapai apa yang kita mahukan tanpa memperdulikan perasaan orang lain... contohnya rancangan Survivor...

Pada peringkat ini, saya melihat bahawa sememangnya wujud peringkat pembacaan rundingan dikalangan informan lelaki. Walaupun secara dasarnya beberapa informan bersetuju dengan rancangan realiti tv tertentu, namun terdapat juga beberapa aspek yang dilihat mereka tidak bersetuju ianya ditayangkan kepada audien. Inilah yang memperlihatkan pandangan yang menjurus kepada pembacaan rundingan sepertimana yang dikemukakan oleh Morley yang mana pembacaan rundingan ini berlaku apabila ada pandangan tertentu yang dilihat selari dan pada masa yang sama terdapat juga pandangan yang berlainan daripada apa yang cuba disampaikan oleh penerbit rancangan.

Ada pandangan yang memperlihatkan mereka bersetuju dengan rancangan tersebut tetapi pada masa yang sama ada beberapa perkara dalam rancangan tersebut yang mereka rasakan ianya tidak sesuai untuk ditayangkan kepada audien. Sebagai contoh seperti kenyataan berkenaan rancangan Akademi Fantasia yang mana secara keseluruhannya rancangan ini boleh ditayangkan tetapi terdapat beberapa plot di dalam

rancangan tersebut dirasakan tidak perlu ditayangkan seperti yang penerbit mahukan iaitu waktu berehat, makan dan juga dibilik tidur. Malahan ada yang menyatakan bahawa ianya hanyalah sebagai satu cara bagi penerbit untuk menjadikan rancangan tersebut lebih menarik dengan memaparkan plot-plot tersebut disamping diwujudkan konflik yang menjadikan rancangan ini lebih sensasi. Ianya hanyalah sebagai satu cara untuk penerbit menarik minat penonton untuk mengikuti rancangan seperti Akademi Fantasia. Jadi sememangnya wujud pandangan yang bersifat pembacaan rundingan dikalangan informan lelaki.

b) Informan perempuan

Shira: *...rancangan Survivor adakalanya kurang sesuai pada babak tertentu...menonjolkan sikap pentingkan diri...sanggup menikam kawan dari belakang...*

Nana: *...Roslan mengkritik selain daripada kualiti suara peserta...bentuk badan penyanyi tersebut dan gaya penampilan mereka yang boleh menjatuhkan maruah dan sensitiviti peserta...*

Farah: *...cara kritikan oleh Paul terlalu terbuka...masyarakat Malaysia masih berpegang kepada prinsip menjaga hati dan perasaan orang lain.*

Jun: *...rancangan Mencari Cinta tidak sesuai... Tidak perlu ditonjolkan bagaimana nak mencari cinta...kritikan secara terbuka dalam Malaysians Idol menjadi negatif bila ditonton oleh kanak-kanak... menyebabkan kanak-kanak berani mengkritik secara terbuka...*

Nana: *... Mencari Cinta tidak sesuai...meniru rancangan terbitan barat seperti For Love or Money dan Average Joe... tidak selari dengan budaya kita... konsep perigi mencari timba itu sendiri masih belum dapat diterima dalam budaya kita...*

Ira: *...Situasi yang ditonjolkan dalam AF tidak sesuai dengan budaya kita terutama apabila lelaki dan wanita saling berpelukan...*

Shida: *...sepatutnya dipaparkan dalam diari Akademi Fantasia hanyalah ketika pelajar AF sedang mengikuti kelas atau latihan tarian, vokal dan persembahan... tidak perlu dimasukkan semasa makan, berehat dan dibilik tidur...*

Saya mendapati bahawa ada di kalangan informan perempuan yang memperlihatkan pandangannya ke arah pembacaan rundingan dalam melihat rancangan realiti tv. Sama seperti informan lelaki, pembacaan rundingan ini wujud apabila pengkaji melihat ada dikalangan informan perempuan yang menerima rancangan tertentu tetapi pada masa yang sama mereka merasakan bahawa terdapat beberapa perkara yang dirasakan tidak selari dengan apa yang pihak penerbit harapkan. Ini dapat dilihat menerusi beberapa pendapat yang merasakan penayangan rancangan tertentu sebagai sesuatu yang boleh diterima kepada masyarakat tetapi pada masa yang sama ada beberapa perkara di dalam rancangan tersebut yang dirasakan perlu diubah dan tidak sepatutnya ditayangkan kepada

audien. Contohnya seperti rancangan Akademi Fantasia dan Malaysian Idol yang mana keseluruhan rancangan tersebut boleh ditayangkan kecuali bila dilihat pada babak kritikan dalam Malaysian Idol dan juga paparan diari kehidupan peserta Akademi Fantasia yang menonjolkan pergaulan bebas antara peserta lelaki dan perempuan.

Manakala terdapat satu pandangan yang agak berlainan dikalangan informan yang lain di mana beliau boleh menerima beberapa plot dan konsep dalam rancangan Mencari Cinta tetapi menolak sepenuhnya rancangan tersebut disebabkan merasakan bahawa rancangan seperti Mencari Cinta hanya sesuai untuk budaya barat dan bukannya untuk budaya kita. Keadaan ini semua jelas menunjukkan wujudnya peringkat pembacaan rundingan dikalangan informan perempuan.

7.3 Peringkat Pembacaan (Penerimaan) Bertentangan

Peringkat pembacaan bertentangan bermakna audien membentuk interpretasi daripada kandungan yang secara bertentangan dengan pandangan dalam pembacaan dominan. Audien mungkin akan membuat interpretasi yang bertentangan dengan *dominant reading* iaitu apa yang diharapkan oleh penerbit daripada pemahaman audien. Dalam kes ini mereka dikaitkan dengan pembacaan bertentangan (*oppositional decoding*).

a) Informan lelaki

Hafiz: *...program Mencari Cinta tidak sesuai... dipaparkan bagaimana wanita tersebut mencari dan memilih teman hidupnya... tidak dapat diterima dalam budaya masyarakat Malaysia...*

Azrul: *...Rancangan Mencari Cinta kurang sesuai...wanita mempunyai hubungan istimewa dengan sepuluh lelaki...tidak bersesuaian dengan adat dan budaya kita... rancangan percintaan seperti Joe Milioenaire's dan Average Joe memberikan impak negatif...memaparkan adegan panas yang dikategorikan sebagai 18 sx...mempengaruhi gaya hidup remaja...*

Yus: *...rancangan mencari cinta tidak sesuai untuk kita...Dari segi konsepnya seorang wanita dengan sepuluh orang lelaki yang boleh dipilihnya dilihat tidak sesuai dengan budaya kita...*

Irman: *...rancangan Mencari Cinta...hanya sesuai dengan budaya barat... rancangan bercorak percintaan dari barat sememangnya tidak sesuai...takut remaja dan kanak-kanak akan terpengaruh mempunyai pergaulan yang bebas antara lelaki dan perempuan...*

Halim: *...rancangan percintaan tidak sesuai untuk ditayangkan... memaparkan adegan-adegan bercium, berpelukan... Joe Milionaire's dan Average Joe tidak sesuai... takut golongan remaja akan terpengaruh dengan gaya hidup yang dipaparkan...*

Rahim: *...rancangan percintaan dan romantik ini tidak sesuai...pemaparan pergaulan bebas dan tiada batasan... akan mempengaruhi gaya hidup kita dalam soal percintaan dan juga perhubungan...*

Rabbani: *...kebanyakan rancangan yang ada membawa kepada masalah dan gejala sosial...rancangan yang berbentuk percintaan dan romantik... mempengaruhi gaya hidup masyarakat kita...*

Malik: *...rancangan daripada luar berbentuk percintaan yang memaparkan peserta melakukan adegan bercumbuan, berpelukan dan malahan memakai pakaian yang seksi... memberikan kesan negatif terhadap penonton...*

Bagi peringkat pembacaan bertentangan, didapati bahawa ada beberapa pendapat yang dikemukakan oleh informan lelaki yang jelas bertentangan dengan mesej yang cuba disampaikan oleh penerbit rancangan. Ini bermakna para informan melihat rancangan realiti tv yang tertentu bertentangan dengan apa yang diharapkan oleh penerbit rancangan tersebut. Jika ditinjau pendapat di atas, rata-rata pendapat informan yang mempunyai pandangan yang tergolong dalam peringkat pembacaan bertentangan menolak penyiaran rancangan Mencari Cinta. Kebanyakannya menyatakan ketidaksesuaian rancangan ini disiarkan kepada audien kita.

Selain daripada itu, saya juga mendapati bahawa kebanyakan informan menolak terus penayangan rancangan-rancangan berkonsepkan romantik/percintaan terutamanya rancangan yang dibawa dari barat kerana rancangan-rancangan ini memperlihatkan nilai dan budaya yang bertentangan dengan budaya kita. Ini jelas menunjukkan pandangan yang bertentangan dengan hasrat penerbit rancangan tersebut seperti yang dikemukakan oleh Morley.

b) Informan perempuan

Shida: *...Survivor tidak sesuai... cara atau taktik yang digunakan oleh peserta tidak sesuai untuk dipertontonkan...*

Hezlin: *...rancangan mencari cinta tidak sesuai... beberapa lelaki cuba merebut cinta seorang wanita dan wanita ini bebas untuk keluar dengan sesiapa sahaja...*

Shira: *...dalam Mencari Cinta, perkara yang peribadi telah menjadi suatu yang umum untuk dilihat oleh masyarakat... Konsep sebegini tidak seharusnya ditonjolkan...*

Ika: *...rancangan berbentuk romantik atau percintaan kurang sesuai... tidak sesuai dengan budaya dan adat kita yang tidak membenarkan pergaulan bebas... memberikan kesan yang negatif dalam masyarakat...*

Aisyah: *...rancangan berbentuk romantik dan percintaan dari barat tidak sesuai ditayangkan...bercium, pakai pakaian yang seksi, dedah sana dedah sini perkara biasa pada budaya mereka... akan memberikan kesan yang negatif terhadap gaya hidup kita...*

Farah: *...rancangan realiti tv daripada luar tidak sesuai... berpelukan dan bercumbuan secara terbuka dan pergaulan yang bebas diterima oleh masyarakat di barat tetapi tidak dalam budaya dan masyarakat kita...*

Shira: *...rancangan Fear Factor yang memaparkan peserta makan makanan yang menjijikkan dilihat tidak sesuai... aksi-aksi ngeri yang peserta lakukan takut memberi impak negatif kepada kanak-kanak dan remaja...*

Nana: *...rancangan Fear Factor hanya memberikan hiburan yang negatif... menunjukkan peserta makan benda-benda yang menjijikkan...*

Secara keseluruhannya, saya mendapati bahawa di kalangan informan perempuan juga wujud pendapat yang tergolong di dalam peringkat pembacaan bertentangan seperti yang dikemukakan oleh Morley. Ada di kalangan informan perempuan yang menolak rancangan Fear Factor, Mencari Cinta dan Survivor. Ini disebabkan oleh rancangan ini dirasakan tidak sesuai untuk ditayangkan kepada audien kita. Sebagai contoh, Nana dan Shira memperlihatkan pandangannya yang jelas bertentangan dengan apa yang penerbit harapkan apabila beliau menolak penayangan rancangan Fear Factor kerana rancangan tersebut memberikan hiburan yang negatif terutama apabila ia menunjukkan peserta dalam rancangan tersebut memakan benda yang menjijikkan semata-mata untuk menunjukkan aksi berani. Keadaan ini dilihat mempengaruhi Nana disebabkan beliau seorang perempuan.

Di samping itu juga, ada di kalangan informan yang menolak terus rancangan berkonsepkan romantik atau percintaan kerana pemaparan dalam rancangan seperti itu yang jelas tidak sesuai untuk tayangan kepada audien di Malaysia. Rancangan seperti ini dilihat hanya sesuai untuk budaya barat tetapi apabila ianya dibawa masuk untuk tayangan masyarakat kita ianya jelas bertentangan dengan budaya dan nilai kita. Ini jelas menunjukkan bahawa rancangan seperti ini ditolak dan tidak sesuai untuk penayangan di Malaysia yang menekankan budaya ketimuran. Keadaan ini jelas selari dengan apa yang ditekankan oleh Morley berkaitan peringkat pembacaan bertentangan yang mana pandangan informan yang bertentangan dan tidak selari dengan apa yang diharapkan dan cuba dibawa oleh penerbit rancangan tersebut.

8. Rumusan dan Perbincangan

Kajian ini mendapati bahawa penerimaan terhadap rancangan bercorak realiti hampir sama di kalangan informan lelaki dan perempuan. Saya menggunakan teori analisis resepsi bagi melihat bagaimana penerimaan rancangan bercorak realiti di kalangan khalayak penonton. Kajian ini mendapati kebanyakan rancangan bercorak realiti yang diimport terutamanya rancangan romantik dan percintaan kurang diterima penayangannya.

Keadaan ini terbukti menerusi pendapat yang diberikan oleh khalayak penonton tentang penerimaan mereka mengenai penayangan sesebuah rancangan itu sama ada ianya sesuai atau tidak ditayangkan. Pendapat yang diberikan oleh informan menerusi temubual yang dijalankan jelas menunjukkan bagaimana penerimaan mereka terhadap

rancangan berbentuk realiti. Daripada kajian ini juga, dilihat wujudnya pengaruh daripada rancangan realiti tv yang ditonton oleh khalayak penonton. Kebanyakan informan yang ditemubual, merasakan mereka dipengaruhi oleh rancangan realiti tv yang mereka tonton. Pengaruh ini jelas menunjukkan penerimaan khalayak penonton terhadap rancangan realiti yang ditonton.

Selain itu, jika kita melihat kembali kepada tiga tahap pembacaan yang dikemukakan oleh Hall dan Morley (1980) didapati bahawa terdapat beberapa perkara yang dilihat apabila dikaitkan dengan audien tempatan ianya kurang sesuai. Peringkat pembacaan dominan misalnya dilihat hanya sesuai untuk kajian audien di barat tetapi apabila ianya dikaitkan dengan audien tempatan agak sukar untuk saya melihat audien yang tergolong di dalam peringkat pembacaan dominan. Ini kerana kebanyakan informan yang ditemubual lebih memperlihatkan kecenderungan mereka terhadap peringkat pembacaan rundingan dan bertentangan yakni apa yang dilihat sebagai sesuatu yang tidak selari dengan apa yang diharapkan oleh penerbit. Keadaan ini jelas terutama terhadap rancangan dari barat terutamanya rancangan bercorak romantik dan percintaan. Audien tempatan dilihat lebih terarah kepada peringkat pembacaan rundingan terutamanya apabila terdapat sesetengah informan yang dilihat menonton rancangan tertentu tetapi pada masa yang sama merasakan rancangan tersebut perlu ada perubahan bagi menyesuaikan dengan budaya tempatan seperti rancangan Akademi Fantasia dan Malaysian Idol.

9. Penutup

Secara keseluruhannya, saya mendapati berlakunya tiga peringkat pembacaan sepertimana yang dikemukakan oleh Hall dan Morley dalam pendekatan analisis resepsi. Ketiga-tiga peringkat pembacaan ini iaitu pembacaan dominan, pembacaan rundingan dan pembacaan bertentangan di kalangan informan lelaki dan informan perempuan. Kebanyakan informan memperlihatkan situasi pembacaan bertentangan terhadap rancangan bercorak romantik dan percintaan kerana merasakan bahawa rancangan seperti Mencari Cinta, Average Joe dan Joe's Millionaire hanya sesuai dengan budaya barat dan tidak sesuai untuk masyarakat Malaysia.

10. Senarai Rujukan

Alasuutari, P. 1995. *Researching Culture. Qualitative methods and Cultural Studies*. London: Sage Publications.

Fuziah Kartini, H.B. 2004. *Akademi Fantasia: Dimensi Baru Budaya Popular di Malaysia*. Penyertaan dalam Komunikasi- Hak, Bentuk dan Dasar. Bangi: Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, UKM.

Hill, A. 2001. *Viewers question reality TV*.
http://news.bbc.co.uk/1/hi/entertainment/tv_and_radio/2219834.stm

Morley, D. 1980. *The 'Nationwide' Audience: Structure and Decoding*. London: BFI.

- Tengku Khalidah, T.B. 2005. Ke mana haluan realiti televisyen tempatan?
<http://utusan.com.my/utusan/content>.
- Patsuris, P. 2004. *The Reality Show, Already Past Its Prime*.
http://www.forbes.com/columnists/2004/06/30/cx_pp_0630reality.html
- Pieto, R., Otter, K. 2005. *The Osbournes: Genre, Reality TV, and the Domestication of Rock 'n Roll*.
- Samsudin, A.R. 2001. *Media dan Identiti Budaya. Cabaran Media terhadap Masyarakat Malaysia di Alaf ke-21*. Kumpulan Esei Isu-isu Komunikasi. Bangi: Pusat Pengajian Media dan Komunikasi.
- _____. 2004. *Akademi Fantasia 2 : Antara Hiburan dan Realiti Tv*.
<http://www.20six.co.uk/weblogEntry/ci0x1plbvvd5>
- _____. 2002. *Harsh Reality: Unscripted TV Reality Shows Offensive to Families*.
<http://www.parentstv.org/PTC/publications/reports/realitytv/main.asp>
- _____. 2004. *TV Reality Harsher than Fiction*.
www.cnn.com/2004/SHOWBIZ/tv